

Gaji baharu: Jaminan bagi 500,000

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan Kerajaan akan mengkaji permintaan kenaikan gaji kakitangan perkhidmatan awam.

Bellau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Laporan Gaji Kabinet berkata, Kerajaan memang mempunyai program menyamak tanggagaji kakitangannya.

"Kerajaan akan menimbang serta meneliti permintaan untuk menyamak semula tanggagaji kakitangan Kerajaan berdasarkan faktor-faktor yang ada sekarang di negara ini," ujar bellau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian kepada pemberita selepas pengperutusan mesyuarat Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional di Bangunan Parlimen di sini pagi ini. Sidang Parlimen akan bermula esok.

Baru-baru ini, CUEPACS menghantar memo-

randum kepada Kerajaan meminta kenaikan gaji 25 peratus di samping elauan rumah dan pelepasan cukai.

Penyemakan tanggagaji itu akan melibatkan lebih 500,000 orang kakitangan Kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah akan membentangkan Belanjawan Negara bagi tahun 1980 pada 19 Oktober dan tidak pada 16 Oktober seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Menyentuh lawatan galakan pelaburan ke beberapa negara Eropah mulai esok, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan:

Harga barang

"Lawatan ini bertujuan meneruskan tempo pelaburan negara-negara luar di Malaysia. Tiap-tiap faham rancangan lawatan yang serupa akan dilakukan dan sambutan terhadap rombongan pelaburan ini adalah menggalakkan."

Katanya, beberapa negara seperti India, Korea Selatan dan Bangladesh telah mengundang Malaysia untuk menerangkan perkara-perkara pelaburan, tetapi permintaan mereka tidak dapat dipenuhi kerana kesentukan masa.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia

akan menjadi pusat pengeluaran barang-barang berasaskan bahan-bahan mentah keluaran negara, terutama getah, tin dan gas.

Menurutnya, beliau telah diberitahu oleh pengusaha Kilang Bata di Saint Basle, Encik Thomas Bata dari Canada, bahawa syarikat itu bercadang membuka sebuah kilang Bata lain yang ketiga di sini, mungkin di Pantal Timur.

Mengenal langkah-langkah mengawal kenaikan harga barang di negara ini, bellau berkata, undang-undang yang ada sekarang sudah cukup bagi mengaturnya.

"Apa yang diperlukan ialah kekuatan undang-undang itu diperbetulkan supaya lebih berkesan. Kita perlu pegawal-pegawal penguatkuasa yang terlatih untuk melaksanakan undang-undang yang diletakkan kepada mereka," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, kawalan menyekat kemasukan "barang hanyut" dari Vietnam tidak dilonggarkan.

Katanya, memang terdapat pendatang haram dari negara itu mendatangi Pantal Timur. Ini mungkin disebabkan jumlah pendatang haram yang telah dapat menetap di sini ketiga.

"Bagaimanapun, jumlah pendatang haram Vietnam di Malaysia berbanding dari 70,000 enam bulan lalu kepada 40,000 orang sekarang," katanya.